

# MukaSepuluh

E-mel: [info@bhdigital.com.my](mailto:info@bhdigital.com.my) BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 11, Jalan Hong, 59100 Kuala Lumpur.

## Kerjasama PETRONAS, Petros imbangi kepentingan negara dan negeri

• Kerjasama ini selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 dan mengiktiraf Akta Pembangunan Petroleum (PDA) 1974 sebagai undang-undang Persekutuan

• Melalui inisiatif ini, Sarawak berpotensi menjadi sumber utama dalam industri gas negara, sekali gus memberi manfaat besar kepada rakyat dan ekonomi Malaysia



Datuk Dr. Mohamad Ibrahim Bin Ibrahim  
Menteri  
[ibrahimcana@tuh.com.my](mailto:ibrahimcana@tuh.com.my)

Petruayah Karan,  
Fakulti Pengurusan  
Industri, Universiti  
Malaysia Pahang  
Al-Sultan Abdulah  
(UMPSA)

Sarawak kini berada pada fasa penting dalam pengurusan sumber tenaga dengan Petroleum Sarawak Berhad (Petros), sebagai entiti milik kerajaan negeri melaksanakan peranan semakin dominan dalam industri minyak dan gas negeri itu. Sejak penubuhannya pada Julai 2017, Petros kini berada dalam kedudukan strategik untuk memimpin pengurusan sumber minyak dan gas di Sarawak. Petros juga menunjukkan komitmen tinggi dalam memenuhi aspirasi negeri untuk lebih berdaya dalam sektor tenaga dan mengoptimalkan manfaat untuk negeri serta rakyatnya.

Namun, PETRONAS dan Petros akan bergerak sebagai rakan kerjasama untuk memastikan kepentingan negara dan Sarawak terjaga. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam siri perencanan aktiviti petroleum di Dewan Rakyat, keahliannya menegaskan PETRONAS dan Petros akan bergerak 'sebagai'.

Walaupun Petros berperanan sebagai *operator* atau badan penyelia dalam industri minyak dan gas Sarawak, kolaborasi serta obligasi kontraktual, baik domestik mahupun antarabangsa, yang diberikan kepada PETRONAS, akan tetap berkuat kuasa.

Kerjasama ini selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 dan mengiktiraf Akta Pembangunan Petroleum (PDA) 1974 sebagai undang-undang Persekutuan.

Dalam konteks ini, Petros berperanan sebagai entiti utama memastikan pengaliran dan pengurusan gas asli Sarawak berjalan lancar, sejajar matlamat negeri untuk memperkukuhkan ekonomi serta pembangunan sosial melalui pemanfaatan sumber tenaga yang ada.

Dengan hak 100 peratus diberikan melalui Ordinan Perlombongan Minyak (OMO) 1968, Petros memainkan peranan penting dalam membangunkan industri minyak dan gas Sarawak, termasuk pembabitannya dalam projek pengaliran pertama di Marudi Selatan serta beberapa projek lain.

Kini, Petros berkembang menjadi syarikat minyak dan gas ketiga terbesar di Malaysia dari segi skala dalam pengaliran sumber hidrokarbon.

Kesjasama ini membuka lebih banyak ruang bagi Sarawak untuk mencapai tahap autonomi lebih tinggi dalam sektor tenaga, selain menyedekahkan peluang baharu bagi rakyat negeri itu. Insyirah, kerjasama terjalin dengan

PETRONAS tetap menjadi aspek amat penting dalam memastikan pengurusan sumber tenaga negara kekal berdaya saing dan mampan.

Pelan Hala Tuju Gas Petros Sarawak yang memfokuskan penciptaan empat hala gas utama di Miri, Bintulu, Samalajaya dan Kuching, dijangka mengubah landskap sosioekonomi Sarawak menjelang 2030.

Melalui inisiatif ini, Sarawak berpotensi menjadi sumber utama dalam industri gas negara, sekali gus memberi manfaat besar kepada rakyat dan ekonomi Malaysia.

Selain memberi manfaat besar kepada penduduk dan ekonomi negeri, pengaliran tenaga kerja berkualiti daripada syarikat berkaitan juga dilihat dapat memperkayakan lagi kesediaan Petros untuk mempercepat pertumbuhannya dan memainkan peranan penting dalam memastikan kecemerlangan dalam industri minyak dan gas Sarawak.

Walaupun Petros mampu berdiri sendiri, kerjasama dengan PETRONAS tetap menjadi faktor utama dalam kejayaan industri minyak dan gas di Sarawak.

Sebagai syarikat minyak dan gas nasional, PETRONAS memiliki pengalaman luas dan kepakaran teknikal dalam mengendalikan operasi di pelbagai peringkat industri ini di Sarawak.

Kesjasama PETRONAS dalam menguruskan aspek risiko besar yang sering berlaku dalam sektor tenaga dan pengalamannya dalam menjalankan operasi di luar pesisir serta kawasan terpencil, menjadikannya rakan strategik ideal bagi Petros dalam memperkasa industri minyak dan gas di Sarawak.

Kerjasama ini bukan sahaja menguntungkan kedua-dua pihak, bahkan penting untuk memastikan keseimbangan antara kepentingan negeri dengan negara.

**Kepercayaan dan kolaborasi antara kedua-dua syarikat**  
PETRONAS, yang mempunyai kedudukan kewangan lebih kukuh dan rangkaian operasi global, dilihat dapat memberikan akses kepada teknologi dan pengetahuan diperolehi kepada Petros untuk meningkatkan kecakapan pengurusan sumber tenaga mereka.

Ditambah sokongan PETRONAS dalam aspek teknikal, Petros dapat meningkatkan kesediaan menghadapi cabaran teknikal lebih kompleks dalam industri minyak dan gas.

Petros dapat memanfaatkan teknologi terkini dan ini akan mempercepatkan pembangunan infrastruktur tenaga di Sarawak.

Bagi PETRONAS pula, kerjasama dengan Petros memberi peluang untuk mengumpul dan memperkayakan operasi mereka di Sarawak, sambil memastikan kepentingan negara dalam pengurusan sumber tenaga terus diperbaharui.

Kerjasama ini membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama untuk memastikan pengurusan sumber tenaga lebih efisien dan berkesan, dengan mengumpul lebih banyak kepentingan ekonomi negeri Sarawak dan jana komparatif sektor tenaga negara secara keseluruhan.

Petros juga dapat memanfaatkan kepakaran PETRONAS dalam aspek pengurusan dan pemenuhan teknologi hijau, yang sangat relevan dalam era peralihan global kepada tenaga boleh diperbaharui.

Sebagai negeri kaya dengan sumber tenaga, Sarawak mempunyai potensi besar untuk berkembang dalam industri tenaga global.

Petros juga komited bekerjasama dengan PETRONAS dalam usaha memajukan sektor tenaga negara secara keseluruhan.

Dengan sokongan Kerajaan Persekutuan, Petros kini berada dalam kedudukan terbaik untuk memimpin pengurusan sumber tenaga negeri ini dan memastikan pembangunan mampan dalam sektor tenaga.

Melalui kerjasama ini, Sarawak dapat terus memastikan pengurusan sumber minyak dan gas dilakukan secara efisien, sambil membuka peluang untuk pembangunan tenaga boleh diperbaharui lebih lestari.

Sarawak kini berada dalam fasa sangat penting dalam usaha memperkukuhkan kedudukan mereka dalam industri tenaga.

Kerjasama antara Petros dan PETRONAS adalah langkah tepat untuk mencapai matlamat berkenaan.

Bagi Petros, kerjasama dengan PETRONAS bukan sahaja memberikan peluang untuk memperkasa pengurusan sumber tenaga negeri, bahkan membuka jalan untuk memperkembangkan teknologi baharu yang akan membantu Sarawak mengatasi cabaran tenaga global.

Petros dapat membangunkan infrastruktur lebih baik untuk pengurusan tenaga, seterusnya akan memberi manfaat kepada ekonomi negeri.

Untuk jangka panjang, pengurusan lebih baik terhadap sumber tenaga oleh Petros akan memastikan Sarawak tidak hanya bergantung kepada hasil minyak dan gas, bahkan mempunyai peluang membina ekonomi lebih lestari.

Melalui pelaburan dalam teknologi tenaga hijau dan pengeluaran alternatif, Sarawak dapat menjadi penyedia dalam penggunaan sumber tenaga lebih bersih dan mampan.

Ini adalah langkah penting untuk Sarawak dalam mengimbangi kepentingan negeri dan negara, sekali gus memastikan sektor tenaga negara terus berkembang, kekal dan mampan pada masa depan.

Seniua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan  
ZARIFUZZAMIR  
[zarif@bhd.com.my](mailto:zarif@bhd.com.my)

Terdahulu Pengarang Kumpulan  
MUTHULINAHAN  
[muthu@bhd.com.my](mailto:muthu@bhd.com.my)

Pengarang Eksekutif (Kandungan & Digital)  
ZAMRUDIN NORRISA  
[zamru@bhd.com.my](mailto:zamru@bhd.com.my)

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran)  
SAZARUDIN ABI BAKAR  
[sazaru@bhd.com.my](mailto:sazaru@bhd.com.my)